

Bicara kesihatan menurut perspektif syariah di UMS pagi ini

UB 20.5.2017 B3

Oleh SALMAN ABADI

KOTA KINABALU: Program 'Bicara Kesihatan Menurut Perspektif Syariah 2017' anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) akan diadakan hari ini (20 Mei), bermula jam 8 pagi hingga 1 tengah hari di Auditorium Utama, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Penolong Pengarah Unit Promosi Kesihatan, Bahagian Kesihatan Awam JKN Sabah, Abd Lajid Abu Hassan berkata program itu merupakan kesinambungan daripada program yang dilaksanakan sebanyak empat kali sebelum ini.


Katanya, ia dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Asas Komuniti dan Perubatan



ABD LAJID

Keluarga FPSK UMS dan ia dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sejak tahun 2012.

Menurutnya, Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan telah diadakan pada 11



DR JOHARI

September 2014 di Dewan Sa'adah Wisma MUIS Kota Kinabalu, manakala Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan Zon Timur Sabah diadakan 27 November 2014 di Dewan Masyarakat Sandakan.

Seminar kali ketiga yang dinamakan Bicara Santai: 'Biar Gugur Cinta, Jangan

Gugur Iman', diadakan pada 27 Ogos 2015 di Dewan IPG Kampus Gaya, Kota Kinabalu, manakala Bicara Kesihatan Daripada Perspektif Syariah: 'Salah Faham?... Sampai Bila... Fikir-fikirkanlah' telah diadakan pada 26 Oktober 2016 di Auditorium Perpustakaan Negeri Sabah Wilayah Tawau sebagai program bicara kesihatan kali ke-4.

"Program bicara kesihatan menurut perspektif syariah pada kali ini disasarkan kepada para pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di sekitar Kota Kinabalu," katanya kepada *Utusan Borneo*.

Abu Lajid menjelaskan, objektif utama program itu ialah meningkatkan pengetahuan mengenai amalan cara hidup sihat dan menerangkan tentang

penetapan fatwa bagi permasalahan kesihatan kepada para peserta.

Selain itu, ia juga bertujuan memperbetulkan fakta yang salah dan kurang tepat mengenai isu kesihatan dan hukum yang difatwakan oleh pihak Jakim, di samping menjadikan peserta sebagai agen dalam menyampaikan maklumat kesihatan kepada komuniti setempat.

Beliau menjelaskan, program Bicara Kesihatan Menurut Perspektif Syariah yang julung kali diadakan di UMS itu dibahagikan kepada dua sesi iaitu Sesi 1: Rokok dan Vape, disusuli Sesi 2: Imunisasi.

Empat ahli panel pembentang yang terlibat dalam program ilmu ini ialah Pakar Perubatan Kesihatan Awam yang juga Pegawai Kesihatan

Kawasan (PKK) Sandakan Dr Johari Awang Besar sebagai ahli panel pertama dengan pembentangan bertajuk 'Merokok, Tiada Yang Selamat'.

Ahli panel kedua ialah Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Sabah Al-Fadhil Ustaz Hamdani Omar dengan tajuk 'Merokok Menurut Perspektif Islam'. Sesi 2 bertajuk 'Pelalian, Selamatkah Anda' akan dibentangkan oleh ahli panel ketiga iaitu Ketua Jabatan Asas Komuniti dan Perubatan Keluarga, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS Datuk Dr Mohd Yusof Ibrahim.

Ahli panel ke-4 ialah Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Pusat Islam UMS Al-Fadhil Ustaz Md Razali Saibin dengan tajuk 'Pelalian: Pencegahan Penyakit

Menurut Perspektif Islam'.

Moderator bagi program Bicara Kesihatan Dari Perspektif Syariah itu ialah Prof Dr Mohamad Saffree Jeffree dari Jabatan Asas Komuniti & Perubatan Keluarga, FPSK UMS.

Abd Lajid menambah, lebih 400 orang dijangka menghadiri program itu melibatkan para pelajar dari UMS, UiTM Kota Kinabalu dan juga Kolej Sains Bersekutu (KSB) Kota Kinabalu.

Majlis perasmian program itu akan disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) JKN Sabah Dr Ismail Ali, manakala ucapan aluan bagi pihak UMS akan disampaikan oleh Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS Prof Dr Zainal Arifin Mustap¹.